

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**PEMERKASAAN PELAKSANAAN
PROSES KANAK-KANAK
MENYATAKAN PENDAPAT DALAM
KES HADANAH DI MAHKAMAH
SYARIAH MALAYSIA**

SHANIZAH BINTI NGATIMAN

Tesis yang dikemukakan
Bagi memenuhi keperluan untuk ijazah
Doktor Falsafah
(Pengajian Islam Kontemporari)

Akademi Pengajian Islam Kontemporari

April 2025

ABSTRAK

Menurut Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 1989, kanak-kanak diberi hak untuk bersuara dan menyatakan pandangan dalam urusan melibatkan mereka. Ini termasuklah dalam prosiding kehakiman melibatkan urusan penjagaan (*hadanah*) selepas ibu bapa bercerai. Secara dasarnya, Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 memperuntukkan bahawa kanak-kanak berhak menyatakan pandangan dengan siapa mereka ingin tinggal apabila mereka mencapai umur tertentu yang dianggap *mumaiyiz*. Namun begitu, undang-undang tidak menjelaskan bagaimana proses mendapatkan pendapat mereka perlu dilaksanakan dan sejauh mana pandangan mereka perlu diikuti oleh pihak mahkamah. Kajian ini bertujuan mengkaji konsep *hadanah* dan kedudukan pendapat kanak-kanak menurut perspektif Islam dan triti antarabangsa, menganalisa peruntukan undang-undang dan amalan kes *hadanah* dan pelaksanaan pendapat kanak-kanak di Mahkamah Syariah di seluruh Malaysia berdasarkan zon, mengkaji amalan kes penjagaan anak dan pandangan kanak-kanak di negara terpilih sebagai panduan pengajaran dan mencadangkan penambahbaikan ke arah pemeraksanaan pelaksanaan proses kanak-kanak memberikan pendapat dalam kes *hadanah* di Mahkamah Syariah. Dengan mengguna pakai metodologi penyelidikan undang-undang kualitatif di mana data diperolehi daripada bahan kepustakaan, 125 kes Mahkamah Syariah di Malaysia mengikut zon dari tahun 2016-2022, temu bual semi struktur bersama informan yang terdiri daripada hakim syarie, Peguam syarie, pegawai *sulh* dan pegawai Kebajikan dan data dianalisa secara tematik menggunakan perisian Atlas-ti. Kajian ini mendapati wujud ketidakseragaman amalan dalam mengendalikan proses melibatkan pendapat kanak-kanak dalam kes *hadanah* kerana tiada panduan terperinci yang memandu mahkamah dalam memastikan hak kanak-kanak ini terpelihara sebaiknya. Berdasarkan pendapat daripada informan dan merujuk kepada amalan di beberapa buah negara terpilih iaitu Australia, New Zealand dan Singapura, kajian ini mencadangkan penambahbaikan dilaksanakan dengan penggubalan satu garis panduan yang seragam bagi membantu hakim syarie dalam pelaksanaan pendapat kanak-kanak *mumaiyiz*. Ia dapat memperkasakan pelaksanaan hak kanak-kanak di Mahkamah Syariah serta menjaga kepentingan kanak-kanak menyatakan pendapat dan memberikan pilihan dalam kes *hadanah* melibatkan diri mereka, selari dengan Perkara 12 UNCRC 1989.

PENGHARGAAN

Puji dan syukur ke hadrat Allah SWT yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang atas rahmat dan anugerahNya tesis ini dapat diselesaikan dengan sempurna dan baik. Tanpa rahmat daripadaNya, sudah tentu saya tidak mampu sampai hingga ke tahap ini, dalam pengajian dan juga kerjaya saya. Salam dan selawat ke atas junjungan Nabi Muhammad (SAW) dan keluarga serta seluruh sahabat Baginda.

Saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia pertama saya iaitu Prof Madya Dr. Nurhidayah binti Muhammad Hashim yang tidak jemu-jemu membantu saya, yang meluangkan waktu, tenaga dan fikiran serta perhatian yang tinggi, serta memberi saya sokongan dari sudut moral. Begitu juga saya merakamkan ucapan terima kasih kepada penyelia kedua saya Prof Madya Dr. Rafeah binti Saidon dalam membantu saya menyempurnakan tesis ini.

Ucapan terima kasih kepada pihak pengurusan dan semua tenaga pentadbiran di Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) sehingga saya dapat menyelesaikan pendidikan program Doktor Falsafah Pengajian Islam Kontemporari di Universiti Teknologi Mara (UiTM). Ucapan ribuan penghargaan kepada Ketua hakim syarie dan Ketua Pendaftar bagi Negeri Pulau Pinang, Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Terengganu, Johor dan Sarawak yang telah memberi kebenaran untuk saya menemubual semua pihak yang berkaitan dengan bidang penyelidikan ini. Terima kasih juga diucapkan kepada semua informan yang telah memberikan kerjasama yang amat baik iaitu hakim-hakim Mahkamah Tinggi Syariah Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Terengganu, Johor dan Sarawak, pegawai-pegawai *sulh*, peguam syarie dan pegawai kebajikan di Jabatan Kebajikan Masyarakat serta ahli akademik. Buah fikiran dan pandangan yang diberikan telah menghasilkan satu garis panduan yang boleh dimanfaatkan oleh masyarakat terutamanya pihak-pihak yang bertikai dalam kes penentuan penjagaan anak ini.

Ucapan penghargaan dan terima kasih teristimewa untuk suami tercinta, Mohd Akmal bin Non yang tidak pernah jemu memberi semangat kepada saya. Jutaan terima kasih juga kepada anak-anak tersayang, Nurul Izzah Humaira binti Mohd Akmal dan Nurul Iffah Qaisara binti Mohd Akmal yang selalu menceriakan hidup saya, terutama ketika saya mengalami tekanan dalam menyempurnakan pengajian dan penulisan tesis ini.

Shanizah binti Ngatiman
Jabatan Kehakiman Syariah Selangor
2025

ISI KANDUNGAN

	Muka Surat
PENGESAHAN OLEH PANEL PEMERIKSA	ii
DEKLARASI PENULIS	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI KES	xv
SENARAI STATUT	xviii
JADUAL TRANSLITERASI	xx
SENARAI SINGKATAN	xxii
BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Penyataan Permasalahan Kajian	6
1.4 Persoalan Kajian	9
1.5 Objektif Kajian	10
1.6 Skop	10
1.7 Limitasi Kajian	11
1.8 Kajian Literatur	12
1.9 Metodologi Penyelidikan	25
1.9.1 Reka Bentuk Kajian	26
1.9.2 Kaedah Pengumpulan Data	28
1.9.3 Analisa Data	46
1.10 Kepentingan Penyelidikan	47
1.11 Susunan Bab	48

BAB 1

Pengenalan

1.1 Pendahuluan

Perkahwinan di antara seorang lelaki dan seorang wanita merupakan satu sunnah dan ia amat penting untuk kelestarian umat Islam (Mustafa al-Khin, 1996). Bagi mana-mana pasangan, kehadiran anak-anak merupakan anugerah yang sangat bernilai sebagai penyambung zuriat keturunan. Anak-anak juga merupakan amanah Allah SWT untuk dijaga dan dilindungi sehingga mereka mampu berdikari dan menguruskan kehidupan sendiri. Tanggungjawab ini bertujuan untuk memastikan kebajikan mereka terjaga, sama ada ia dilaksanakan oleh bapa, oleh ibu, ataupun secara bersama (Wahbah Al Zuhayli, 2001).

Anak merupakan anugerah dan pemberian daripada Allah SWT yang sangat bernilai. Kehadiran dalam keluarga membawa kegembiraan sehingga digambarkan sebagai perhiasan dunia. Ini jelas dinyatakan dalam firman Allah SWT yang bermaksud:

Harta benda dan anak pinak itu ialah perhiasan dunia; dan amal-amal soleh yang kekal faedahnya itu lebih baik pada sisi Tuhanmu sebagai pahala balasan dan lebih baik sebagai asas yang memberi harapan.
(al-Kahfi: 46)

Bersama dengan kegembiraan pasangan suami isteri menerima anugerah ini, Allah SWT meletakkan beberapa tanggungjawab yang perlu dilaksanakan terhadap anak tersebut. Antaranya adalah ibu bapa harus memberikan penjagaan yang baik kepada anak-anak mereka sehingga anak tersebut boleh berdikari dan dapat menguruskan diri mereka sendiri. Ibu bapa juga perlu memberikan kasih sayang, pengasuhan, dan pendidikan sehingga mereka dapat membesar dan menjadi seorang dewasa yang mempunyai jati diri dan berakhlak mulia. Dalam keadaan biasa, ibu bapa selalunya memainkan peranan menjaga anak-anak di bawah bumbung yang sama dan menyediakan keperluan mereka dengan baik. Keadaan selalunya mula berubah apabila pasangan sudah bercerai, dan kedudukan siapa yang akan menjaga serta menyediakan keperluan anak-anak mula menjadi persoalan besar di antara ibu dan bapa.